


16 - 31 JANUARI, 2022

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang kukuh sebagai HAB PEMBUATAN TERMAJU

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**




KETUA Menteri menyempurnakan gimik pelancaran majlis pecah tanah bagi projek pengembangan Intel dekat Zon Perindustrian Bebas di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Syarikat pengeluar cip terbesar dunia, Intel Corporation (Intel) bakal mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan melalui pembinaan kemudahan pembungkusan yang lebih maju di negeri ini.

Projek pengembangan baharu bernilai AS$7 bilion (RM30 bilion) itu bakal dibangunkan secara berfasa dekat Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan dijangka dapat memulakan operasi pengeluaran pada awal tahun 2024.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Intel menjalinkan hubungan yang kukuh dengan ekonomi domestik dan telah memainkan peranan asas dalam mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan termaju.

Beliau berkata, selepas bertapak di luar Amerika Syarikat iaitu di Pulau Pinang hampir setengah abad lalu, Intel kini telah berkembang menjadi kampus berteknologi tinggi.

"Ini termasuk kemudahan pemasangan ujian, pusat reka bentuk dan pembangunan produk yang terbesar di negara ini, malah satu daripada hab perkhidmatan perkongsian Intel menyokong sumber manusia, kewangan, perolehan, teknologi maklumat dan operasi rantaian bekalan.

"Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa Intel bakal mengembangkan operasinya di Malaysia dengan pelaburan lebih AS$7 bilion (RM30 bilion) dalam tempoh 10 tahun akan datang.

"Projek pelaburan ini memberi tumpuan kepada pengembangan kemudahan ujian pemasangan pembuatan sedia ada Intel dan membangunkan keupayaan penyediaan acuan dengan penambahan keupayaan pembungkusan yang lebih maju.

"(Dan) ia dijangka dapat mewujudkan lebih 4,000 peluang pekerjaan," ucapnya pada majlis pecah tanah syarikat berkaitan dekat Zon Perindustrian Bebas di sini pada 17 Disember 2021.

Turut hadir, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Pengarah Eksekutif Promosi Pelaburan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Sikh Shamsul Ibrahim Sikh Abdul Majid serta Pengarah Urusan Intel Malaysia, Chong Aik Kean.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow mengulangi bahawa negeri Pulau Pinang merupakan tonggak utama aliran masuk pelaburan dan perdagangan asing ke negara ini.

"Pulau Pinang mencatatkan prestasi pelaburan cemerlang selama dua tahun berturut-turut, termasuk pencapaian tertinggi dalam sejarah negeri pada 2019 iaitu sebanyak RM17 bilion, dan kedua tertinggi pada 2020 dengan RM14 bilion.

"Dengan penambahan pelaburan Intel, prestasi pelaburan negeri pada tahun 2021 akan mengatasi rekod sebelum ini, sekali gus memacu Pulau Pinang ke tahap lebih tinggi," ujarnya lagi.

Tambah Kon Yeow, selain penglibatan dalam memperkukuhkan ekonomi dunia melalui perniagaan terasnya, Intel juga sentiasa menunjukkan contoh yang baik dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporatnya.

"Intel telah memberikan komitmen lebih RM5 juta kepada Tabung Bantuan COVID-19 di negara ini selain membantu pihak hospital, sekolah, barisan hadapan dan keluarga yang kurang berkemampuan.

"Malah, Intel juga telah membantu memberi vaksinasi kepada lebih 17,000 tenaga kerjanya sendiri, syarikat-syarikat berdekatan serta syarikat pembekal masing-masing," tambahnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

# Pelaburan semula RM520 juta tiga syarikat

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS -** Tiga syarikat besar tempatan (LLC) iaitu Greatech Technology Berhad (Greatech), Pentamaster Corporation Berhad (Pentamaster) dan UWC Berhad (UWC) bakal melabur sejumlah RM520 juta bagi mengembangkan operasi mereka di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tiga syarikat berkenaan secara kolektif membeli tanah seluas 35 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dan kesemua projek dijangka bermula pada suku pertama tahun 2022.

Beliau berkata, apabila siap dan beroperasi sepenuhnya kelak, ia dijangka mewujudkan sehingga 1,300 peluang pekerjaan bagi tenaga kerja tempatan.

"Keputusan ketiga-tiga syarikat ini untuk melabur semula di Pulau Pinang menunjukkan keyakinan berterusan mereka terhadap ekosistem perindustrian yang kukuh di negeri ini.

"Saya gembira kerana Pulau Pinang bukan sahaja mempunyai reputasi tinggi sebagai lokasi pilihan bagi syarikat multinasional (MNC), tetapi juga dikenali sebagai sebuah negeri keusahawanan yang menyediakan persekitaran kondusif bagi syarikat tempatan untuk berkembang maju.

"Selain itu, Pulau Pinang juga merupakan lokasi pilihan majoriti syarikat besar tempatan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta mesin dan peralatan (M&E).

"Saya berharap pertumbuhan berterusan syarikat besar tempatan akan diterjemahkan kepada lebih banyak peluang perniagaan dan membawa kepada pemindahan pengetahuan kepada PKS tempatan, sekali gus membolehkan mereka diberi dorongan dan lebih banyak syarikat besar tempatan ditubuhkan di negeri ini," ucapnya pada majlis pengumuman pelaburan Greatech, Pentamaster dan UWC di sini pada 5 November 2021.

Hadir sama, Penasihat Pelaburan Khas kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Dato' Mohd. Bazid Abd.Kahar; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Pulau Pinang, Muhd Ghaddaffi Sardar.

Pengerusi Lembaga Greatech, Ooi Hooi Kiang; Pengerusi Eksekutif Pentamaster, Chuah Choon Bin serta Pengarah Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UWC, Datuk Ng Chai Eng turut hadir.

Tambah Kon Yeow, pelaburan langsung domestik (DDI) meningkat ke paras paling tinggi dalam tempoh sedekad lalu kepada RM3.6 bilion pada 2020, mewakili 20 peratus daripada jumlah pelaburan langsung negeri.

Beliau berkata, dalam separuh pertama 2021, syarikat tempatan menyumbang RM700 juta pelaburan langsung bersamaan dengan 54 peratus daripada jumlah pelaburan langsung di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang telah merekodkan RM10.3 bilion pelaburan pembuatan yang diluluskan dalam sektor M&E dari 2016 hingga Jun 2021, mewakili 56 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara dalam industri tersebut.

"Malahan, pelaburan daripada M&E mencapai rekod tertinggi pada 2020 dengan RM5.7 bilion, menyumbang lebih 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan negara dalam sektor M&E.

"Saya amat berbangga kerana syarikat tempatan berupaya memberikan penyelesaian kejuruteraan canggih serta peralatan dengan kos efektif yang diperakui oleh pemain industri teknologi utama global.

"Dengan perkembangan pesat dalam industri M&E, saya yakin Pulau Pinang berada di landasan yang tepat untuk beralih menjadi hab pembuatan utama global," tambahnya.



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil pelabur mengadakan perbincangan pada majlis pengumuman pelaburan Greatech, Pentamaster dan UWC di sini baru-baru ini.**

## Pelaburan JHM, QES pengiktirafan kelompok industri mantap

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PANTAI JEREJAK -** Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) yang terletak di Seberang Perai Selatan bersedia menjadi 'Lembah Silikon Timur' selepas Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas apabila terus menarik kemasukan pelaburan baharu daripada syarikat tempatan sekali gus mencipta peluang pekerjaan.

Terbaru, dua syarikat tempatan terkemuka, JHM Consolidation Berhad (JHM) dan QES Group Berhad (QES) memilih BKIP bagi membangunkan fasiliti pembuatan baharu dengan nilai pelaburan digabungkan sebanyak RM190 juta dan bersedia menjana lebih 1,100 peluang pekerjaan dalam tempoh lima tahun apabila kerja-kerja pembinaan dijangka siap menjelang tahun 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow ketika hadir pada sesi pengumuman pelaburan tersebut di pejabat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat sini, memuji kedua-dua syarikat tempatan itu atas keputusan pembesaran fasiliti pembuatan baharu di Pulau Pinang.

"Kehadiran JHM dan QES merupakan satu pengiktirafan terhadap kelompok industri yang mantap di negeri ini.

"Syarikat JHM dan QES adalah antara pemain utama dalam rantaian bekalan produk elektrik dan elektronik (E&E) negara.

"(Dan) dengan kehadiran kedua-dua syarikat multinasional yang kukuh di sini, syarikat-syarikat ini dapat menikmati faedah yang meluas dari segi operasi dan kelebihan meningkatkan capaian dalam rantaian bekalan global.

"Pulau Pinang juga bertuah kerana mempunyai pemain industri yang sentiasa di sisi sepanjang perjalanan perindustrian selama 50 tahun dan terus mempercayai kedudukan negeri ini sebagai peneraju destinasi pilihan pelaburan," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada sesi berkaitan pada 4 Disember 2021.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian dan Penasihat Khas kepada Ketua Menteri (Hal Ehwal Ekonomi), Dato' Seri Lee Kah Choon.

Mengulas lanjut mengenai peranan negeri ini sebagai pangkalan pembuatan terpenting bagi produk E&E negara, Kon Yeow berkata bahawa kini Pulau Pinang telah menyumbang kira-kira lima peratus eksport produk semikonduktor secara global.

"Eksport Pulau Pinang telah melepasi paras RM300 bilion pada tahun 2020 dan mencapai rekod tertinggi sebanyak RM310 bilion walaupun dalam situasi pandemik COVID-19.

"Jumlah ini disumbangkan oleh industri E&E, profesional, saintifik dan instrumen kawalan termasuk peranti perubatan," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan JHM, Datuk Tan Kong Seng berasa teruja apabila menjadi sebahagian daripada ekosistem perindustrian Pulau Pinang.

"Kami (JHM) sedang membangunkan fasiliti dua tingkat dengan keluasan binaan 350,000 kaki persegi di BKIP dan pelaburan sebanyak RM170 juta.

"JHM akan meluaskan portfolio perniagaan untuk perkhidmatan pemasangan dan ujian peralatan serta peranti telekomunikasi apabila fasiliti pembuatan ini siap kelak," jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan QES, Chew Ne Weng memberitahu bahawa pembinaan fasiliti di BKIP akan menjadi kilang kedua syarikat tersebut di negara ini, selepas Shah Alam, Selangor.

"Anggaran pelaburan bagi projek ini adalah kira-kira RM20 juta yang merangkumi tanah, pembinaan fasiliti dan tenaga kerja.

"Fasiliti di BKIP ini akan menampung pengembangan syarikat dalam pembuatan peralatan ujian automatik (ATE) serta usaha niaga Penyelesaian Pembuatan Pintar Revolusi Industri 4.0.

"Kami menjangkakan fasiliti mencipta 100 peluang pekerjaan baharu dalam tempoh tiga tahun termasuk dalam bidang kejuruteraan, pentadbiran dan eksekutif," ulasnya.

# Stadium Mini Permatang Rawa siap dinaik taraf

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini menandatangani tiga perjanjian berkaitan pemilikan dan pengurusan Stadium Mini Permatang Rawa yang telah siap dinaik taraf.

Ketiga-tiga perjanjian itu ditandatangani di antara Kerajaan Negeri bersama dengan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang serta Syarikat AEI International Berhad (AEI) meliputi perjanjian tambahan kedua, perjanjian inovasi serta perjanjian pajakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemeteraian perjanjian tersebut membolehkan liabiliti Kerajaan Negeri diserahkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

"Dengan ini, bangunan dan tanah Stadium Mini Permatang Rawa diserahkan kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang sebagai penjaga harta milik Kerajaan Negeri untuk diuruskan.

"Ia sesuai dengan objektif utama penubuhannya (Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang) iaitu membangun, mengurus, mengawal dan menyelenggara stadium dan kawasan lapang di negeri ini.

"Seterusnya, Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang dibenarkan memajak tanah kepada syarikat AEI bagi tujuan pengoperasian Stadium Mini Permatang Rawa," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Projek Penaiktarafan Stadium Mini Permatang Rawa dekat Komtar di sini pada 18 November 2021.



STADIUM Mini Permatang Rawa yang telah siap dinaik taraf.

RUPA bentuk padang bola sepak menggunakan rumput sintetik berteknologi tinggi serta mengikut piawaian antarabangsa FIFA.

Turut hadir, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Norazmi Mohd. Narawi; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; Pengarah AEI, Datuk Joseph Kow; Penasihat Undang-Undang AEI, Datuk Nicholas Kow serta Eksekutif pentadbirannya, Kharulnisa Husna.

Kon Yeow berkata, kerja-kerja menaik taraf Stadium Mini Permatang Rawa menelan kos keseluruhan berjumlah RM3.535 juta yang mana sebanyak RM2.4 juta adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri manakala baki RM1.135 juta lagi oleh Syarikat AEI.

"Mengimbas kembali, perjalanan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan projek penaiktarafan stadium mini ini tidaklah mudah.

"Pelbagai sesi perbincangan, mesyuarat dan kertas pertimbangan MMK (Mesyuarat Exco) telah diadakan sejak tahun 2016 sehingga kini, sebelum Kerajaan Negeri bersetuju memuktamadkan dan menandatangani perjanjian pada hari ini.

"Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri bersetuju melantik Syarikat AEI International Berhad sebagai pelaksana projek dan kerja-kerja penaiktarafan merangkumi skop-skop kerja seperti menaik taraf rumah kelab, astaka, padang bola sepak serta membina lima gelanggang futsal," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Joseph Kow ketika ditemui menjelaskan bahawa melalui perjanjian itu, Syarikat AEI akan mengendalikan pengurusan dan perjalanan operasi termasuk kerja-kerja penyelenggaraan Stadium Mini Permatang Rawa untuk tempoh 15 tahun.

"Stadium Mini Permatang Rawa sudah terbiar dan usang sejak 15 tahun lalu, dan kami diminta oleh Kerajaan Negeri untuk melakukan kerja-kerja menaik taraf yang mana ia juga sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) kami.

"Antaranya adalah menaik taraf padang bola sepak menggunakan rumput sintetik berteknologi tinggi dari Itali serta mengikut piawaian antarabangsa Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

"Selain itu, stadium mini ini juga menyediakan lima gelanggang futsal iaitu dua gelanggang futsal terbuka dan tiga gelanggang futsal tertutup serta ruangan pejabat," ulasnya.

# Insentif, biasiswa sukan rangsang kejayaan atlet

**GEORGE TOWN -** Menerusi program *Penang Athlete Career Education* (PACE), Kerajaan Negeri diterajui Pakatan Harapan baru-baru ini menyerahkan pelbagai bentuk bantuan serta inisiatif kepada 62 atlet negeri dengan melibatkan peruntukan keseluruhan kira-kira RM101,450.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya berharap dengan penyerahan bantuan serta insentif tersebut, ia akan meningkatkan lagi tekad, azam serta prestasi mereka yang berkenaan pada masa hadapan, sekali gus memajukan industri sukan secara keseluruhannya.

"Sesungguhnya, Pulau Pinang berada atas landasan tersendiri dalam aspek pembangunan dan kebajikan atlet kerana kita percaya komitmen sebegini mampu menjadi pemangkin semangat serta merangsang kejayaan para atlet kita pada masa akan datang.

"Adalah diharapkan melalui pelbagai bentuk bantuan dan insentif di bawah program PACE, para atlet negeri dapat menanam tekad serta azam tinggi untuk memberikan prestasi yang terbaik, bukan sahaja untuk diri sendiri malah juga kepada industri sukan secara keseluruhannya," jelasnya sempena Majlis Penyerahan Insentif Pendidikan dan Biasiswa Sukan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi Program PACE di sini pada 8 November 2021.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua; Ketua Pegawai Eksekutif Only World Group Holdings Berhad, Tan Sri Richard Koh Cheng Keong; Pengarah Urusan Kumpulan Hunza Properties Bhd., Datuk Khor Siang Gin dan beberapa kenamaan lain.

Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa seramai 25 atlet negeri layak menerima Insentif Galakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala dua atlet bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan jumlah keseluruhan peruntukan insentif sebanyak RM9,550.

Menurut beliau, pada kali ini, seramai 20 atlet lain turut layak menerima Bantuan Insentif Pendidikan Institut Pengajian Tinggi (IPT) secara *'one-off'* yang melibatkan peruntukan sebanyak RM17,100.

"Ini, menjadikan jumlah keseluruhan penerima Bantuan Insentif Pendidikan IPT Program PACE sehingga kini adalah seramai 46 atlet.

"Saya amat yakin angka ini akan terus meningkat dari semasa ke semasa dengan adanya usaha untuk terus menghulurkan bantuan insentif serta dorongan seperti ini kepada atlet negeri," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Di samping itu, Kon Yeow menyatakan bahawa seramai 31 atlet termasuk 15 penerima baharu akan mendapat Bantuan Biasiswa Sukan sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT, yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM74,800.

Pada majlis sama, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada sekalian pihak penyumbang bagi menjayakan program PACE yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri hari ini.


**SEBAHAGIAN atlet menunjukkan jumlah sumbangan yang diterima pada Majlis Penyerahan Insentif Pendidikan dan Biasiswa MSNPP bagi Program PACE di sini baru-baru ini.**

# Sidang Wanita Pulau Pinang, tersebar serata negeri

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Dua perwakilan dari Sabah dan seorang dari Selangor memenuhi undangan bagi menyertai Mesyuarat Kedua Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 menjadikan ia begitu istimewa dan sedikit kelainan berbanding persidangan sulung dianjurkan sebelum ini.

Mereka, perwakilan Selangor, Salmiwati Othman yang di kedudukan kerusi N05 Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Dua turut diberi tanggungjawab sebagai Ketua Pembangkang Pulau Pinang; sementara dua perwakilan lain dari Sabah adalah Fazilah Harun (N30 Sungai Pinang) dan Jamaliah Jamil @ Kinsoi (N03 Pinang Tunggal).

Sidang Wanita pada kali ini turut menyaksikan Koay Gaik Kee yang berada di kerusi N26 Padang Kota diberi tanggungjawab sebagai Ketua Menteri.

Semasa merasmikan persidangan kali kedua itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berharap Sidang Wanita yang dilangsungkan mengikut format persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sebenar dapat dicontohi oleh kerajaan negeri lain.




**LAW Choo Kiang (duduk, enam dari kanan) dan Chong Eng (enam dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, ahli jawatankuasa dan para peserta dengan berlatarbelakangkan bangunan DUN pada penganjuran Mesyuarat Kedua Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 di sini baru-baru ini.**

"Ini membuktikan bahawa Sidang Wanita Pulau Pinang diterima baik dan tersebar ke luar negeri.

"Penyertaan ini juga seharusnya dijadikan contoh kepada negeri-negeri lain untuk menyediakan platform sama untuk memperkasakan wanita dalam kepimpinan," jelasnya sambil memuji komitmen Speaker DUN, Dato' Law Choo Kiang yang mengendalikan mesyuarat persidangan Sidang Wanita kali ini di sini pada 4 Disember 2021.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal memberitahu bahawa menerusi penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang, Kerajaan Negeri yang diterajui Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar berlaku peningkatan peratusan perwakilan wanita pada peringkat pembuat keputusan serta akan mencecah 40 peratus sejajar dengan sasaran komposisi nisbah seimbang gender.

"Sasaran komposisi nisbah seimbang gender adalah 40:40:20 yang ditetapkan dalam Dasar Keterangkuman Gender iaitu 40 peratus lelaki, wanita (40 peratus) dan terbuka untuk lelaki dan wanita (20 peratus) supaya tiada satu (gender) yang mendominasi serta keperluan kedua-dua golongan wanita serta lelaki dapat dipenuhi," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri hari ini senantiasa komited dalam usaha untuk menambahkan perwakilan wanita pada peringkat pembuat keputusan.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri baru-baru ini mula mengedarkan Kertas Putih Kerusi Tambahan Untuk Wanita atau *Top-Up Women Only Additional Seats* (TWOAS).

"Edaran kertas putih ini mendapat sambutan dan maklum balas yang baik daripada ADUN yang mana mereka menyatakan sokongan kepada inisiatif ini ketika sesi perbahasan.

"Dengan komitmen ini, Kerajaan Negeri dijangka akan membentangkan rang undang-undang untuk mewujudkan TWOAS dalam masa yang terdekat," katanya yang juga ADUN Padang Lalang.

Difahamkan, Sidang Wanita Pulau Pinang 2021 merupakan inisiatif Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dan agensi negeri, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Selain membahaskan usul berkaitan Akta Anti-Gangguan Seksual, persidangan kali ini menerima 29 Soalan Lisan dan 58 Soalan Bertulis meliputi pelbagai kepentingan gender di Pulau Pinang.

# Suntikan dana bantu koperasi hadapi pandemik

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri bersetuju menyuntik dana berupa geran tunai RM450,000 bagi memastikan institusi koperasi terus kukuh dan berdaya saing dalam mendepani cabaran pasca pandemik.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam perbincangan bersama baru-baru ini menyatakan bahawa hanya negeri Pulau Pinang sahaja yang menyediakan geran khas kepada pihak koperasi.

"Ini merupakan pendekatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu koperasi-koperasi di negeri ini yang terkesan akibat pendemik yang mana kita telah melancarkan *Penang2030 Coop Grant* pada Februari 2021 bagi membantu koperator-koperator terjejas untuk meneruskan aktiviti perniagaan masing-masing.

"Alhamdulillah, dana ini telah memberi manfaat kepada 40 koperasi asas dengan jumlah peruntukan sebanyak RM450,000.

"Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menyarankan agar para koperator turut terlibat dalam bidang digital atau lebih dikenali sebagai Gig Ekonomi," ujarnya pada Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Pulau Pinang 2021 di sini 6 Disember 2021.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang, Norlelah Samsuddin dan mantan Pengarah SKM Pulau Pinang, Zakaria Md. Jusoh.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, agenda pemerkasaan koperasi merupakan sebahagian pelan induk Kerajaan Negeri melalui Visi Penang2030 yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga dalam negeri yang hijau dan pintar.

"Dalam usaha mempercepat pencapaian Penang2030, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan terhadap tiga fokus utama iaitu inisiatif setempat, inisiatif pembangunan komuniti dan inisiatif libat urus industri.

"Di samping pelan induk Visi Penang2030, Pelan Khaira Ummah 2030 juga mempunyai misi untuk memperkasakan umat Islam Pulau Pinang menerusi pelbagai program pembangunan.

"Antara bidang-bidang terpenting adalah meningkatkan sektor ekonomi umat Islam melalui koperasi dengan kerjasama agensi wakaf dan zakat," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Terdahulu, Norlelah menyatakan bahawa sehingga Disember 2020, koperasi yang berdaftar di Pulau Pinang adalah sebanyak 754 buah dengan keanggotaan seramai 155,510 orang.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) sambil diiringi Norlelah Samsuddin (kiri sekali) menyampaikan geran kepada salah seorang penerima pada Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi Pulau Pinang 2021 di sini baru-baru ini.**

"Jumlah nilai syer dan yuran sebanyak RM279.8 juta, aset bernilai RM855.08 juta manakala jumlah perolehan adalah RM261.86 juta," ulasnya.

Pada majlis sama, SKM Pulau Pinang turut menyampaikan geran berserta sijil kepada koperasi-koperasi yang layak dan diluluskan permohonan.

# MakerSpace Balik Pulau, platform pendigitalan pelajar

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BALIK PULAU –** Pelajar-pelajar yang menetap di Balik Pulau kini mampu meneroka kepelbagaian kemudahan digital yang terletak di MakerSpace, di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa perpustakaan digital tersebut merupakan yang pertama diwujudkan di Daerah Barat Daya.

"MakerSpace yang ditubuhkan sejak 2019 kini terus menjadi tumpuan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam usaha meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan pendigital dan pengekodan dalam kalangan pelajar.

"Walaupun (Pulau Pinang) sentiasa menunjukkan pencapaian yang baik dalam sektor pembuatan serta perkhidmatan, namun penumpuan pelajar terhadap bakat pendigitalan adalah perlu difokuskan," ujarnya pada Majlis Perasmian Perpustakaan Digital MakerSpace pada 27 November 2021.

Turut hadir, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato Ir. Addnan Mohd. Razali; Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd. Shuhaily Mohd. Zain.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota dalam pada itu turut memuji inisiatif dilaksanakan MBPP dengan kerjasama Perbadanan Ketua Menteri (CMI) yang telah berjaya merealisasikan kemudahan digital di MakerSpace khususnya untuk para pelajar di sini.

"Saya amat yakin dengan inisiatif MBPP berkaitan, ia dapat mempromosikan pendigitalan dan pengekodan yang kini dianggap sebagai salah satu komponen penting dalam menjamin sektor ekonomi yang terancang," ujarnya.


KETUA Menteri meneliti gerak kerja salah seorang pelajar sejurus Majlis Perasmian Perpustakaan Digital MakerSpace di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Tung Seang menyatakan bahawa tanpa sokongan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Intel Technology Sdn. Bhd., *Penang Science Cluster*, Politeknik Balik Pulau serta komuniti di Balik Pulau, inisiatif tersebut tidak dapat dicapai dengan jayanya.

"Sejak MakerSpace ditubuhkan, ia telah menarik lebih 40,000 pelajar dari pelbagai sekolah di negeri ini.

"Intel telah menyumbang sebanyak 80 komputer riba bagi kegunaan pelajar, dan CMI juga bersetuju menyerahkan 20 kad akses kepada MakerSpace untuk digunakan oleh para pelajar,'' jelasnya.

# Teknologi robotik sebagai penggerak ekonomi masa hadapan

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha merevolusikan inovasi teknologi robotik pada masa hadapan, terdapat keperluan yang mendesak untuk membawa pendidikan berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) ke peringkat seterusnya.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian pada majlis penyampaian hadiah pertandingan *'Grand STEM Challenge & Robomania 2021'* yang diadakan di Tech Dome pada 11 Disember 2021.

Menurut beliau, kemajuan teknologi dalam bidang robotik memerlukan teknik pengajaran dan pembelajaran baharu STEM ke tahap baharu.

"Banyak sektor penting yang menggunakan teknologi robotik untuk maju termasuk sektor automotif, e-dagang, teknologi perubatan, teknologi makanan, pemuliharaan air, ekonomi angkasa lepas atau mana-mana sektor berunsurkan teknologi.

"Malah, tidak dapat dinafikan bahawa teknologi robotik akan berkembang pada masa hadapan, dan sekiranya diberikan masa serta ruang yang cukup ia pasti menguasai tenaga kerja berkemahiran bagi memenuhi permintaan serta keperluan industri.

"Oleh yang demikian, teknologi robotik adalah penting kerana ia merupakan sebahagian daripada Revolusi Perindustrian 4.0 dan menjadi enjin penggerak ekonomi negeri," ujarnya pada majlis berkaitan di sini.

Mengulas mengenai pengajaran dan pembelajaran berkaitan robotik dan STEM, Kon Yeow berkata ia perlu dilaksanakan dalam suasana kondusif agar dapat merangsang minda dan menyeronokkan.

"Tenaga pengajar perlu mempunyai pengetahuan yang luas di samping pemikiran kreatif dan kritis agar dapat mencungkil minat serta sifat ingin tahu dalam kalangan pelajar.

"Teknologi robotik semakin berkembang dan ia memerlukan penglibatan komuniti seperti cabaran dalam pertandingan *'Grand STEM Challenge & Robomania 2021'* ini.

"Salah satu kelebihan robotik adalah penggunaannya yang meluas sebagai alat bantuan pengajaran dan pendidik yang boleh dikembangkan dalam program-program peringkat komuniti," jelasnya yang berharap lebih banyak program berkaitan robotik dapat diadakan sejajar dengan hasrat Visi Penang2030.

Pertandingan 'Robomania' diadakan buat tahun ketiga dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai teknologi robotik dan memberi peluang kepada peserta untuk mengembangkan kreativiti mereka.

Manakala pertandingan *'Grand STEM Challenge'* pula dianjurkan sejak tahun 2020 melibatkan cabaran antara sekolah-sekolah di Pulau Pinang yang mengambil bahagian.

Seramai 1,251 peserta mengambil bahagian dalam tujuh kategori yang dipertandingkan dan Sekolah Menengah Kebangsaan St. Xavier muncul juara keseluruhan pertandingan.


EXCO Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Abdul Halim Hussain (kiri sekali) bersama-sama pemenang utama pada majlis penyampaian hadiah pertandingan *'Grand STEM Challenge & Robomania 2021'* di sini baru-baru ini.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

# KITAB Batu Kawan perlu direalisasikan bersama

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri dan Dr. Roslan Ahmad (kanan sekali) serta barisan kehormat merakam gambar kenangan sejurus sesi lawatan khas ke KITAB di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan kampus Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Batu Kawan berstatus universiti yang masih dalam perancangan sebagai instrumen penting bagi pembangunan syiar Islam di negeri ini.

Beliau berkata demikian sejurus sesi lawatan ke KITAB dekat Masjid Negeri di sini 12 Disember 2021.

"Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri, kita akan memberi sokongan terhadap perancangan masa depan khususnya cadangan mewujudkan universiti Islam (kampus Batu Kawan) dikemukakan.

"Sememangnya projek ini adalah penting bagi KITAB dan umat Islam negeri ini, dan bagi pihak Kerajaan Negeri, ia merupakan sebuah projek yang kita ingin bersama-sama memastikan ia dapat direalisasikan," ujarnya.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah KITAB Sdn. Bhd., Dr. Roslan Ahmad; Rektor KITAB, Prof. Dr. Mohamad Abdul Hamid dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah KITAB Sdn. Bhd..

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pihak-pihak berkaitan perlu bersama-sama dalam membuat keputusan berkaitan.

"Sebelum ini, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ada membangkitkan isu-isu berkait hal ehwal agama Islam, dan juga berhubung cadangan ini, sebagaimana saya katakan, saya juga memerlukan panduan daripada beliau untuk dibawa ke perhatian mesyuarat Exco.

"Mungkin pada peringkat ini, KITAB juga boleh menggariskan isu-isu berbangkit kepada YB Ahmad Zakiyuddin untuk diambil maklum dan tindakan lanjut," katanya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

KITAB melalui Ahmad Zakiyuddin pada Oktober 2021 mengumumkan perancangan pembinaan sebuah universiti Islam berkonsepkan wakaf di atas sebidang tanah seluas 17.3 ekar dekat Batu Kawan.

Difahamkan, kerja-kerja awalan seperti reka bentuk bakal dimulakan pada tahun 2022 manakala pembinaan akan dijalankan secara berfasa sehingga siap sepenuhnya menjelang tahun 2030.

## Pameran seni Langur harap cetus kesedaran awam

**GEORGE TOWN -** Langur atau 'Lotong' merupakan antara spesies monyet dalam rumpun lama yang hidup secara bebas serta liar terutama sekitar kawasan Teluk Bahang, Bukit Bendera, Batu Ferringhi dan sebahagian daerah di Seberang Perai.

Menyedari ancaman semasa terhadap habitat itu, Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang serta sekumpulan artis saling berganding bahu menganjurkan pameran seni dalam bentuk lukisan, seramik, arca, video dan penghayatan kreativiti di Galeri Aras 3, Balai Seni Lukis Negeri di sini sejak 1 November 2021.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya berharap pameran yang melabuhkan tirai pada 31 Disember 2021 dapat menyemarakkan lagi kesedaran pelbagai pihak mengenai Langur.

"Jumlahnya (habitat Langur) kian berkurangan kini disebabkan pelbagai faktor antaranya dipercayai hasil pemerdagangan haram sebagai haiwan peliharaan dan juga terlibat dalam kemalangan.

"Justeru, adalah diharapkan menerusi penganjuran (pameran seni) khas ini, ia akan membentuk kesedaran dalam kalangan masyarakat umum tanpa mengira lapisan umur bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam melindungi spesies Langur yang unik untuk tatapan generasi akan datang," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam Majlis Penutupan Pameran Seni Lukis 'Langur – Building Bridge Between Our Worlds' pada 11 Disember 2021.

Sebelum itu, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin berkata pihaknya berharap pameran seumpamanya dapat terus diadakan di Pulau Pinang demi pemuliharaan flora dan fauna terancam pada masa akan datang.

Sementara itu, Pengarah Lembaga Muzium Negeri dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang, Haryani Mohamad memberitahu bahawa kira-kira 50 peratus hasil seni kreatif pelbagai jenis yang dipamerkan telah dijual, dan hasilnya akan dimanfaatkan untuk kerja-kerja memelihara habitat terancam tersebut.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ahmad Rizal Mohd. Hanapiah; Ahli Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang, Lee Khai; Pengarah Muzium Alam Semula Jadi, Jabatan Muzium Malaysia, Dr. Farizawati Sabri dan Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Muhammad Ezhar Yusuf antara barisan tetamu yang menyertai majlis penutupan pameran seni lukis tersebut.





**SEBAHAGIAN hasil karya yang dipamerkan.**



**PENGUNJUNG cilik yang turut hadir pada penganjuran Pameran Seni Lukis 'Langur - Building Bridge Between Our World' di sini baru-baru ini.**



SEBAHAGIAN sesi latihan yang diadakan.



KAYALVHILY.

# KAYALVHILY, atlet memanah nekad harumkan nama negeri

**PADA** 13 Disember lepas, Universiti Sains Malaysia (USM) muncul johan individu lelaki menerusi M. Khambeswaran dan naib johan kategori campuran bersama-sama pasangannya Kayalvhily dalam Kejohanan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) Archery Virtual 2021.

Kejayaan itu membawa Buletin Mutiara menjejaki atlet wanita negeri – **KAYALVHILY**, 23, yang merupakan antara 'ayam tambatan' Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang andai Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 Johor tidak ditangguhkan.

Bagaimanapun menurut Kayalvhily, beliau sangat berharap dapat mewakili Pulau Pinang dalam kejohanan terbuka berkaitan untuk kelayakan menyertai temasya Sukan SEA Hanoi ke-31 yang dijangka berlangsung pada pertengahan tahun 2022.

"Seperti pada hari ini, walaupun ada pelbagai kekangan, latihan diteruskan juga untuk persiapan andai diberi peluang mewakili negeri Pulau Pinang.

"Untuk SUKMA, umur layak untuk atlet adalah 21 tahun sahaja, saya sangat berharap akan ada kelonggaran memandangkan SUKMA sebelum ini ditangguhkan.

"Kalau boleh sertai, saya akan sertai," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** semasa ditemui dalam sesi latihan sementara di Pusat Kesihatan Sukan Air Pulau Pinang (PKSA) dekat Batu Ferringhi baru-baru ini.



SALINA Putriana Erierpius.



PASUKAN memanah di bawah Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang.

## Perlu komitmen dan fokus

Kayalvhily memberitahu bahawa sejak berusia 12 tahun lagi beliau dilatih di bawah suatu program bersama-sama Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang.

Semasa itu, beliau masih menghuni di Asrama Ramakrishna dekat Jalan Scotland, dan jurulatihnya yang bernama Salina Putriana Erierpius, 20-an merupakan antara individu yang bertanggungjawab merekrut beliau menjadi atlet memanah negeri hingga kini.

"Sukan memanah memang memerlukan fokus, tiap-tiap hari saya berlatih di lapangan selama dua jam pada sebelah pagi, dan tiga jam pada sebelah petang.

"Menurut jurulatih saya, karier sebagai atlet memanah profesional penting, sebab itu saya tidak tinggal sukan ini walaupun saya kini sambung belajar dalam bidang pengurusan (peringkat sarjana muda) di USM," ujarnya.



KAYALVHILY (tengah) bersama-sama rakan sepasukan menunjukkan aksi memanah.

## Pencapaian

Tambah Kayalvhily, selama enam tahun sebagai atlet memanah negeri, ada pelbagai pencapaian mungkin boleh dikongsi.

Antaranya, menurut beliau apabila mendapat pingat gangsa dalam SUKMA 2016 di negeri Sarawak.

Di samping itu, Kayalvhily menyatakan bahawa beliau juga memperoleh emas bagi acara berpasukan dan gangsa (perseorangan) dalam Kejohanan Memanah Terbuka Jakarta 2019, pada bulan Jun.

"Saya antara 10 atlet skuad memanah bawah 21 tahun yang menyertai Kejohanan Memanah Terbuka Jakarta 2019 yang berjaya membawa pulang 12 pingat emas, perak (dua) dan gangsa (empat) kepada negeri Pulau Pinang," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang dan jurulatih.

## Kekangan tidak patah semangat

Dalam wawancara sama, jurulatih Persatuan Memanah Negeri Pulau Pinang, Salina Putriana memberitahu bahawa pandemik COVID-19 yang terjadi sejak tahun 2020 sedikit sebanyak mengganggu jadual latihan kira-kira 20 pelatih termasuk Kayalvhily.

Bagaimanapun, menurut beliau, segala kekangan itu tidak pernah mematahkan semangat barisan jurulatih dalam meningkatkan lagi kemahiran anak buahnya demi memburu kejuaraan dalam kejohanan-kejohanan yang berkaitan.

"Saya juga asalnya adalah atlet memanah negeri, sejak tahun 2015, saya diberi peluang untuk membantu kerja-kerja kejurulatihan pasukan atlet memanah negeri bagi menghadapi SUKMA 2016 Sarawak.

"Selepas saya cukup umur, saya direkrut sebagai jurulatih…jadi saya juga berharap suatu hari nanti beliau (Kayalvhily) juga akan memajukan lagi sukan memanah ini di Pulau Pinang kerana ia bukan mudah untuk kerja-kerja pengembangan sukan serta mencari pelatih baharu.

*(Sambungan di muka 15).*



# Bahan terbuang ditukar produk kraf unik

PRODUK *'upcycle'* daripada tayar kenderaan terpakai merupakan antara yang paling laris memperoleh permintaan.

**PERIBAHASA** Melayu ada menyebut, 'tukang tidak membuang kayu', yang membawa maksud bahawa orang cerdik sayang kepada sekalian macam orang kerana tiap-tiap mereka itu ada gunanya.

Sesuai dengan peribahasa itu, **MOHIADDIN ABD. RAHMAN** yang lebih mesra dipanggil 'Mamu' bukan sekadar sayang sekalian orang, bahkan barang terbuang juga beliau sayang hatta ditukar menjadi produk kraf yang unik.

Berkongsi cerita lanjut, Mohiaddin memberitahu bahawa kini lebih 2,500 produk kraf unik yang dihasilkannya telah berjaya dipasarkan.

Paling mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelanggan, menurut beliau, adalah jam unik berbingkaikan tayar terpakai.

Di samping itu, Mohiaddin turut menghasilkan pelbagai produk kraf unik lain termasuk berasaskan kayu, untuk dijadikan cenderamata.

"Minat yang mendalam dalam seni kraf unik serta seni kayu ini sudah lama iaitu sejak 20 tahun lepas.

"Mula-mula minat ini secara 'main-main' sahaja, semasa itu saya menghasilkan produk kraf unik di rumah serta mendapat sokongan daripada kawan-kawan.

"Selepas itu, saya berfikir sejenak untuk tumpu dalam bidang yang jarang 'orang kita' buat di negeri Pulau Pinang," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD**.

Wawancara berkaitan diadakan pada 22 November 2021 dekat kediaman Mohiaddin di Taman Merak Jaya, Simpang Ampat.

Sebelum tumpu kepada bidang seni kraf unik sepenuh masa, beliau juga bekerja makan gaji sebagai koordinator projek.

Di samping itu, Mohiaddin turut bekerja sebagai juruteknik pendawaian elektrik di sekitar Kuala Lumpur.

"Dalam tahun 2012 macam itu, saya terfikir mengapa tidak aku berhenti kerja dan tumpu 'betul-betul' dalam kerja (seni kraf unik) yang tiada orang buat ini.

"Pada tahun 2013, saya berhenti kerja sebagai koordinator projek, sambil-sambil itu saya buat juga projek pendawaian kabel elektrik yang berpusat di Kuala Lumpur," ujarnya.

Selepas berhenti kerja, Mohiaddin dan isteri, Jamilah Md. Noh menubuhkan syarikat Balqaseh Enterprise.

Dengan jenama sendiri iaitu *Mamu Wood Craft*, Mohiaddin menyatakan bahawa kini perniagaannya kian berkembang meliputi bidang seni pembuatan perabot unik, landskap, perpaipan, projek pembinaan dan sebagainya.

"Setakat ini, Alhamdulillah seni kraf unik terutama yang berasaskan kayu paling banyak mendapat permintaan pelanggan.

"Saya jarang letak harga pada barang seni kraf unik yang saya hasilkan, tetapi saya tanya: berapa bajet yang pelanggan ada? Kemudian, saya buat produk kraf unik ikut bajet pelanggan.

"Paling penting, mereka boleh berpuas hati sebab dapat barang yang mereka hajatkan.

"Pesan guru saya, kalau nak berjaya, amal jariah kena banyak.

"Jadi, kalau orang boleh membeli cenderamata yang saya buat dengan harga RM10 pun, saya tetap berpuas hati kerana mereka dapat cenderamata yang mereka hajatkan," ulasnya.



SEBAHAGIAN produk yang dihasilkan.



MOHIADDIN Abd. Rahman.

Tidak cukup memenuhi hajat pelanggan, Mohiaddin memberitahu bahawa lazimnya beliau sendiri akan membuat serahan tangan kepada pelanggan apabila satu-satu produk seni kraf siap.

"Kita jangan fikir duit sangat (keuntungan semata-mata), mutu perkhidmatan kita kena 'cantik'.

"Pelanggan duduk sejauh Perlis pun, saya akan hantar sendiri barang kraf unik…tanpa caj penghantaran atau caj tambahan," jelasnya.

Ditanya asal beliau belajar menghasilkan seni kraf unik, Mohiaddin dalam nada sederhana memberitahu bahawa "semua ilmu ini adalah hak Allah."

"Ini, 'ilmu Allah'…bukan belajar dari *YouTube* atau mana-mana kursus, saya hanya ikut kawan-kawan, belajar secara tidak langsung daripada kerja yang saya tengok kawan-kawan buat," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada sahabat dikenali sebagai 'Encik David' yang juga anggota Majlis Pengurusan

Komuniti Kampung (MPKK) setempat kerana banyak menyokong minatnya selama ini.

Kini, tambah Mohiaddin, beliau bersyukur kerana produk kraf unik yang dihasilkan telah menerima permintaan seluruh pelosok negara; malah telah ada pelanggan dari negara Indonesia dan pernah juga ada seorang (pelanggan) dari Eropah.

Mengakhiri sesi temu ramah, Mohiaddin berkata bahawa beliau memang ada rancangan untuk mengembangkan lagi perniagaan dalam bidang seni kraf unik berkenaan pada masa hadapan.

"Bidang ini tidak ramai yang ceburi, ada pihak yang menawarkan modal juga. Malah ada juga yang menawarkan pakej perkongsian keuntungan 50-50.

"Seperkara lagi, saya tidak gemar berhutang (dengan pihak bank), jadi lebihan hasil akan saya modalkan untuk kembangkan perniagaan ini.

"Kalau ada rezeki, saya nak perbesarkan bengkel serta ingin ada ramai pekerja juga.

"Selain itu, saya hendak mewujudkan dewan seminar serta latihan di sini dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang mana saya nak buat kelas pembangunan kemahiran untuk budak-budak kampung belajar kemahiran (dalam bidang seni kraf unik) ini,'' ulasnya lanjut.

Info lanjut, boleh hubungi nombor telefon 011 - 3729 2764, 018 - 472 6729 dan 04 - 587 2751 atau melalui laman *Facebook*, Mohiaddin Abd Rahman.



